

Dua graduan wanita cemerlang

Dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Unisza

SINAR HARIAN
24/10/2016

GONG BADAK – Dua graduan wanita dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) kelapan yang berlangsung di Dewan Al Mutafi Billal Shah, Kampus Gong Badak, di sini, kelmarin.

Anugerah itu masing-masing diberikan kepada pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan dan Rangkaian Komputer) dengan Kepujian, Nurmalina Abd Rahman, 24, dan Chan Jun Ling iaitu graduan dari program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian.

Kedua-dua penerima itu merupakan antara 2,489 graduan yang terdiri daripa-



Nurmalina (dua, kanan) bersama rakan yang lain.

da Doktor Falsafah (PHD), Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma daripada 10 buah fakulti yang lulus dan layak me-

nerima sijil masing-masing.

Bagi Nurmalina, terlibat secara aktif dengan persatuan dan sukan, nyata tidak meng-

halangnya untuk berjaya dengan cemerlang, selagi mana bijak membahagikan masa.

Menurut anak ke-13 da-

ripada 14 orang adik beradik yang berasal dari Kuala Lumpur ini lagi, meskipun sentiasa berdepan dengan kehangatan masa memandangkan dia begitu aktif dengan aktiviti luar, namun fokus ketika belajar merupakan perkara yang sentiasa diberi penekanan.

"Cara saya belajar mungkin tidak sama seperti mana pelajar lain kerana saya begitu aktif dengan pelbagai aktiviti, atas sebab itu jugalah saya akan memberi fokus ketika berada di dalam kelas sewaktu penyiaran mengajar.

"Sekiranya ada yang tidak faham, saya akan terus bertanya, abila dah faham saya akan bantu sahabat lain untuk sama-sama faham memandangkan komitmen dalam bilik kuliah sangat tinggi serta berkualiti.

"Sama juga ketika saya me-

nyertai persatuan atau sukan, saya juga akan tetap memberikan fokus yang sama kerana apabila kita fokus hasil yang diperolehi pasti berkualiti," katanya yang kini bekerja sebagai guru sandaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Puchong Utama 1, Selangor.

Menurut anak kepada pasangan Salmah Salleh dan Abd Rahim Muhamad ini lagi, selain rakan-rakan dan penyuarah, ibu bapa merupakan pendorong utamanya hingga berjaya ke tahap sekarang.

Ditanya mengenai perancangan selepas ini, penerima Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Unisza 2015 dan merangkul pingat emas dalam Malaysia Technology Expo (MTE 2016) ini lagi, dia berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana.